



JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA  
(KEMENTERIAN DALAM NEGERI)  
NO. 15, TINGKAT 1-7 (PODIUM)  
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2,  
62550 PUTRAJAYA  
WILAYAH PERSEKUTUAN



Telefon : 603-8000 8000  
(1MOCC)  
Faks : 603-8880 1200  
Portal Rasmi : www.imi.gov.my

---

“KEDAULATAN DAN KESELAMATAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

IMM.101/HQ-C/1122/104 (32)

20 Rabiul Awal 1440H

28 November 2018

**SEMUA PENGARAH BAHAGIAN  
SEMUA PENGARAH NEGERI  
PENGARAH KLIA  
PENGARAH AIMM**

YBhg. Dato’/Datuk/Datu/Dr./Tuan/Puan,

**MAKLUMAN PELANJUTAN TEMPOH SAH PERMOHONAN  
PERTUKARAN MELALUI SISTEM *E-TRANSFER JIM4U* BAGI  
PEGAWAI IMIGRESEN GRED KP28, KP26, KP22 DAN KP19  
DI JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Dato’/Datuk/Datu/Dr./Tuan/Puan, dalam Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Bil.3 Tahun 2018 pada 30 Ogos 2018, YBhg. Dato’ Seri KPI telah memutuskan supaya tempoh sah permohonan pertukaran melalui Sistem *E-Transfer JIM4U* bagi Pegawai Imigresen Gred KP28, KP26, KP22 Dan KP19 dilanjutkan kepada dua (2) tahun berkuat kuasa mulai 30 Ogos 2018.

3. Sehubungan itu, berikut merupakan perkara yang perlu diambil perhatian:

- i) Bagi permohonan yang telah tamat tempoh sebelum 30 Ogos 2018, pegawai perlu membuat permohonan baru dan tempoh sah permohonan adalah selama dua (2) tahun dari tarikh permohonan semula tersebut;



IMMIGRATION KLIA  
WORLD'S BEST  
IMMIGRATION SERVICE  
2010, 2011, 2013



**ANUGERAH AGENSI SEKTOR  
AWAM TERBAIK MIM 2013**

- ii) Bagi permohonan yang tamat tempoh selepas tarikh 30 Ogos 2018, tempoh sah permohonan tersebut akan dilanjutkan secara automatik bagi satu tahun seterusnya (contoh: Sekiranya tempoh sah permohonan adalah sehingga 31 Ogos 2018, maka permohonan akan dilanjutkan sehingga 31 Ogos 2019);
- iii) Bagi pegawai yang baru memohon selepas tarikh 30 Ogos 2018, tempoh sah permohonan adalah sehingga dua (2) tahun dari tarikh permohonan tersebut.

4. Di samping itu, tempoh sah permohonan untuk pertukaran secara manual bagi pegawai daripada gred-gred lain turut dilanjutkan sehingga dua (2) tahun dari tarikh permohonan.

5. Bahagian ini memohon kerjasama YBhg. Dato'/Datuk/Datu/Dr./Tuan/Puan untuk memaklumkan perkara ini kepada pegawai bagi gred yang berkaitan di bawah seliaan YBhg. Dato'/Datuk/Datu/Dr./Tuan/Puan dan perhatian YBhg. Dato'/Datuk/Datu/Dr./Tuan/Puan amatlah dihargai serta didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"INTEGRITI PROFESIONAL MESRA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(SYAMSUL BADRIN BIN MOHSHIN)**

Pengarah

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

b.p. Ketua Pengarah Imigresen

**MALAYSIA**

s.k. : YBhg. Dato' Seri KPI

YBhg. Dato' TKP(P)

YBhg. Dato' TKP(K)

YBrs. Tuan TKP(O)

PB(D)

**(u.p.: Puan Wan Meliza binti Wan Ibrahim)**